

Mohd Harun muahu pasukan keselamatan peringkat kampus ditubuh di UMS

NST 19-10-2012 3

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof.Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah (*gambar*) muahu sebuah pasukan keselamatan peringkat kampus ditubuhkan di universiti itu bagi meningkatkan semangat patriotik di kalangan pelajar.

Beliau yakin penubuhan pasukan keselamatan secara berpusat atau gabungan semua pasukan beruniform UMS mampu memberikan ilmu kepada mahasiswa-siswi merasai pengalaman sebenar menganggotai pasukan keselamatan negara.

"Saya yakin gabungan badan-badan beruniform di UMS mampu menjadi satu pasukan yang kuat dan saling melengkap untuk keperluan masyarakat yang kurang bernasib baik sekaligus bertindak sebagai agen dalam perlaksanaan 'Blue Ocean Strategy'.

"Dalam masa yang sama, saya mengharapkan agar setiap pegawai sukarela terus memberi komitmen dan melengkapkan diri dengan kemahiran mengikut disiplin pasukan masing-masing melalui kursus-kursus yang dianjurkan.

"Saya juga menyeru kepada warga pentadbir dan ahli akademik turut serta menceburkan diri sebagai pegawai sukarela," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan



Badan Beruniform UMS, di perkarangan universiti itu, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu enam badan beruniform UMS iaitu Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang terdiri daripada PALAPES Darat, Laut dan Udara, Kor Sukarelawan Siswa Polis (SUKSIS), Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dan Bomba dan Penyelamat membuat pertunjukan.

Mohd Harun berkata, badan beruniform merupakan antara elemen penting dalam memupuk semangat berdisiplin dalam kalangan pelajar.

"Badan Beruniform juga menjadi median paling sesuai untuk melahirkan pemimpin berwibawa, ini kerana melalui kegiatan dalam pasukan beruniform, pelajar dilantik sebagai pucuk pimpinan dalam organisasi mereka.

"Justeru, majlis seumpama ini adalah penghormatan

terhadap penubuhan setiap pasukan beruniform yang nyata memberi impak besar terhadap pembentukan disiplin dan jati diri dalam kalangan para mahasiswa UMS," kata dia.

Beliau berkata, ia sekaligus memberi pengiktirafan terhadap usaha dan penglibatan pasukan-pasukan beruniform yang telah banyak membantu ke arah pencapaian kecemerlangan UMS disamping memberi ruang untuk mereka memperkenalkan identiti pasukan masing-masing.

Mohd Harun berharap para pelajar menggunakan peluang yang ada di universiti untuk mengembangkan potensi diri dalam setiap pasukan beruniform.

"Jangan menganggap ia sekadar pelengkap terhadap aktivitikо-kurikulum yang diwajibkan, tetapi manfaatkan peluang ini sebagai platform pembentukan sahiasah diri untuk perkembangan prospek kerjaya yang lebih luas seperti ketenteraan, pertahanan awam, kebombaan dan menyelamat," katanya.

Beliau turut mengisyartiharkan sambutan Hari Badan-Badan Beruniform UMS akan diadakan setiap tahun semasa minggu Konvoikesyen UMS.

Mohd Harun juga mengumumkan bahawa UMS dipilih sebagai tuan rumah sempena majlis pentaualihan PALAPES institut pengajian tinggi awam (IPTA) pada tahun 2013. —
OLEH MARRYAN RAZAN